

26/09/2001

Pendekatan Amerika bukan cara terbaik

KETIKA pemimpin Amerika Syarikat sibuk menuding jari kepada Osama bin Laden sebagai perancang serangan nekad ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon, 11 September lalu, mereka tidak mahu menerima hakikat terdapat ramai rakyat negara tertentu terus membenci mereka. Amerika sendiri melalui dasar luarnya yang memilih bulu, membuli dan menekan sesetengah negara lemah sambil terus menyokong Israel yang melaksanakan dasar mengganas terhadap rakyat Palestin mengundang perasaan itu.

Seperti wasiat yang diperturunkan daripada seorang presiden kepada presiden yang lain dan terkini, George W Bush meneruskan dasar luar Amerika yang membuta tuli menyokong Israel menindas rakyat Palestin dan melanggar hak asasi mereka itu. Tindakan Amerika ini memberi gambaran seolah-olah Israel adalah sebahagian daripada wilayahnya, sekali gus tindakan kejam rejim Zionis itu dilihat sebelah mata seperti merelakannya dan ini menimbulkan kebencian dan kemarahan rakyat negara lain yang cintakan keadilan.

Inilah antara kelemahan ketara yang perlu diperbaiki segera oleh Amerika jika mahu melihat rakyat dunia khususnya daripada negara Islam menghormatinya semula. Tidak mungkin wujud rasa benci yang boleh membawa kepada kegiatan mengganas jika Amerika bersikap adil dalam hubungannya dengan negara-negara Islam. Demikian pula ia juga perlu bersikap adil dalam menangani masaalah rakyat Palestin yang secara terus menerus ditekan tanpa sedikit pun perasaan belas kasihan dan kemanusiaan oleh rejim Israel.

Sebagaimana disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sepucuk suratnya kepada Perdana Menteri Britain Tony Blair kini sudah tiba masanya suatu persidangan antarabangsa diadakan untuk membincang soal keganasan antarabangsa dan sebab musabab ia boleh berlaku. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) boleh mengambil inisiatif menganjurkan persidangan itu untuk mencapai suatu takrif tentang siapa sebenarnya pengganas dan kenapa kumpulan-kumpulan pengganas antarabangsa boleh wujud. Persidangan itu juga boleh merumuskan cara untuk menangkis kegiatan melampau ini.

Pendekatan keras sebagaimana dianjurkan Amerika sekarang ini untuk menyerang Afghanistan atau negara lain yang tidak menyokongnya memerangi pengganas bukanlah cara terbaik menyelesaikan masalah yang timbul. Pembunuhan atau penangkapan pemimpin kumpulan pengganas, umpamanya Osama tidak akan menyelesaikan masalah kerana sudah pasti bila seorang pemimpin gugur tentu ada pemimpin pelapis yang akan mengambil alih tampok pimpinan kumpulan itu. Dan penggantinya itu mungkin lebih militan lagi. Sekali pun kesemua anggotanya dihapuskan pasti ada pengganti kiranya soal yang membawa kepada wujudnya kumpulan demikian tidak ditangani dengan adil.

Persidangan itu juga hendaknya dapat mengatasi salah faham yang agak berleluasa di kalangan sesetengah rakyat negara barat yang menghukum Islam sebagai agama yang mencetuskan keganasan. Laporan-laporan bersifat sensasi oleh berbagai media barat berikutan serangan pengganas di New York dan Washington itu telah sedikit sebanyak menghukum Islam dan mencetus tindakan membalas dendam ke atas penganutnya hingga berlaku pembunuhan dan masjid serta pusat Islam dibakar sebagaimana telah berlaku di Amerika, Britain dan Australia.

(END)